



“ MEMPERKASA GENERASI KHAIRA UMMAH ”

(13 Januari 2017 / 14 Rabiulakhir 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُفْسِدِينَ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah
SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya
dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini
mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan
membicarakan tajuk: “**MEMPERKASA GENERASI KHAIRA UMMAH**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Kajian mengenai masa hadapan merupakan suatu bidang ilmu yang agak asing di kalangan sebilangan besar umat Islam. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 1970an, ilmu ini mula mendapat perhatian yang serius oleh pemikir Islam secara khusus, serta membincangkannya sesuai dengan konteks masyarakat Islam hari ini.

Perkara utama yang perlu difahami ialah konsep masa hadapan membolehkan manusia bergerak dan bertindak. Walau pun hakikatnya, manusia tidak mampu mengubah atau mengembalikan masa silam tetapi manusia mampu mengawal masa hadapan yang titik mulanya adalah masa kini. Firman Allah SWT dalam Surah Al Qasas ayat 77:

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ﴾

Maksudnya: “Danuntutlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.”

Namun, perlu diingatkan bahawa mengkaji masa hadapan bukanlah untuk meramal masa hadapan. Bahkan ia adalah suatu disiplin ilmu yang bertujuan untuk meneroka pelbagai alternatif masa hadapan yang timbul hasil daripada beberapa keputusan dan tindakan yang diambil pada masa kini. Justeru, ia lebih bersifat suatu ilmu alat untuk memahami perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat serta memberi panduan dalam merencana kaedah penyesuaian diri yang perlu dilaksanakan untuk menangani perubahan tersebut.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Kajian masa hadapan ini juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar sesuai dengan amanah kita sebagai khalifah Allah SWT yang membuat segala perkara yang baik termasuklah kebajikan dan pembinaan sesebuah ketamadunan Islam. Kemuncaknya, kita mencapai hubungan rohani yang hebat iaitu *Taqarrub ilallah* (mendekati Allah SWT).

Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab membentuk sebuah negara Islam yang cemerlang dalam segala aspek, sekaligus mengemudi imej Islam di serata dunia. Hal yang tersebut perlu direalisasikan dalam bentuk kenegaraan dan membina sebuah tamadun Islam yang gemilang seterusnya dapat melahirkan *Khaira Ummah*.

Salah satu langkah penting ke arah usaha ini ialah program Transformasi Nasional 2050 atau TN50. TN50 yang dicetuskan oleh pimpinan tertinggi negara ini, memperlihatkan keseriusan dan komitmen kerajaan untuk menyediakan generasi baharu yang berjaya dalam tempoh 30 tahun akan datang. Bahkan TN50 bakal memeta hala tuju negara yang maju menuju 2050 yang digerakkan oleh generasi muda melalui pelbagai wacana nasional.

Generasi ini di gambarkan al Quran sebagai berkualiti, unggul dan seharusnya menjadi model terbaik untuk diikuti. Mimbar yakin, pembentukan generasi berkualiti ini mampu membawa lebih banyak kejayaan untuk memartabatkan agama, bangsa dan membina sebuah tamadun yang gemilang. Firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran ayat 110:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

Maksudnya: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaulah Ahli Kitab itu beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang yang fasik”.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Khaira Ummah perlu dijadikan teras untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan bangsa bertiangserikan kepada tiga prinsip utama iaitu:

Pertama: *Ummatan Wasata* iaitu umat yang mengambil pendekatan berimbang, adil dan tidak ekstrim. Sebagaimana unjuran pendekatan prinsip wasatiyyah yang dibawa Malaysia selama ini. ia juga bercirikan keterbukaan pandangan dan empati bagi melahirkan norma masyarakat majmuk yang matang serta harmoni.

Kedua: *Fastabiqul Khairat* iaitu berlumba-lumba melaksanakan kebajikan. Sifat ini akan melahirkan masyarakat berilmu yang mencipta kemajuan, masyarakat yang berbudaya saintifik dan teknologi penaakul alam yang berdaya saing, berkeyakinan dan sentiasa mahu maju ke depan di luar kepompong selesa watan mahupun melangkau sempadan.

Ketiga: *Yanfa'un Nas* iaitu mengambil daripada pesanan Nabi SAW bahawa yang terbaik di kalangan umat Islam adalah yang paling bermanfaat kepada manusia. Dengan itu, generasi yang terbina akan mengangkat kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Dalam mengangkat kembali kemasyhuran Islam seperti di abad ke-8 dan ke-9, marilah kita pegang kepada pandangan Ibnu Khaldun tentang tiang asas terbinanya tamadun iaitu **(i)** penguasaan ilmu sains, matematik dan logik. Di dalam dunia serba moden, Islam perlu mengambil semula

tempatnyanya di puncak dunia dengan menguasai kemahiran yang penting dalam dunia moden.

Yang **(ii)** keupayaan untuk mentadbir sebuah masyarakat dengan adil dan saksama dengan cara moden yang terbaik untuk kebaikan masyarakat; dan **(iii)** kemampuan untuk terus hidup di dalam keadaan yang mencabar dan tidak sekali-kali mengaku kalah.

Di dalam dunia moden hari ini, tamadun Islam gemilang baharu hanya boleh diangkat oleh kerajaan Islam yang berpaksi kepada sistem demokrasi moden, peka tentang kepentingan pendidikan serta menguasai bidang sains dan teknologi. Alhamdulillah, sebagai umat Islam di negara ini, kita telah memenuhi semua kriteria di atas termasuk dianugerahkan dengan geografi strategik di selat Melaka yang mampu mengangkat kembali ketamadunan Islam di peringkat dunia.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Kini bermula kewajiban kita bersama sebagai muslim di Malaysia untuk melakar masa depan Islam yang lebih cerah menjelang tiga dekad akan datang. Marilah kita menggunakan peluang melalui TN50 ini untuk melakar aspirasi untuk Malaysia menjelang tahun 2050.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Masyarakat Islam perlu memberikan tumpuan terhadap pembangunan generasi yang berkualiti *Khaira Ummah* ini untuk masa hadapan yang lebih baik.

Kedua: Komitmen semua pihak termasuk pihak berwajib amat penting dalam memastikan kualiti generasi ini tidak

dirosakkan dengan program-program yang tidak bermanfaat.

Ketiga: Agenda pemeraksanaan generasi muda mesti dilaksanakan secara seimbang dan holistik mencakupi aspek rohani, jasmani, emosi dan juga intelek.

Marilah kita merenungi firman Allah SWT di dalam Surah an-Nisa' ayat 9 yang berbunyi:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً

ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿

Maksudnya: “Dan hendaklah takut (kepada Allah) orang yang jika ditakdirkan mereka meninggalkan anak-anak yang daif di belakang mereka akan merasa bimbang terhadap anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِزْعَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرًا. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلَحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحِدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:
 كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دڤرتوان اکوڠ سلطان محمد کلیمَا
 وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ
 مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ
 لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَّاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ
 بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
 ﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
 يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.